

14 JAN 2003

Hasrat-Pas/I

PAS DIJANGKA TUNDA HASRAT NEGARA ISLAMNYA, KATA ZAMBRY

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Anggota Exco Pemuda Umno Datuk Dr Zambry Abdul Kadir hari ini berkata beliau menjangka Pas menunda hasratnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam kerana sebilangan faktor, seperti pilihan raya umum akan datang.

Semasa berucap dalam satu persidangan mengenai politik Malaysia di sini, Zambry berkata perang global terhadap keganasan juga telah memaksa PAS menampilkan satu imej sederhana.

"Persoalan utama sekarang ialah soal barisan pemimpin baru Pas. Dua jawatan tertinggi parti itu tidak pernah dipertandingkan. Di sebalik tabir berlaku perebutan bagi jawatan nombor dua yang akan dikosongkan oleh Abdul Hadi Awang yang dijangka diumumkan sebagai presiden. Belum jelas calon nombor dua," kata beliau dalam penyampaiannya di Persidangan Pandangan Strategik Malaysia 2003 yang bertemakan "Pandangan Politik" di sini.

Persidangan satu hari itu dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Menurut Zambry perpecahan antara kumpulan ortodoks dan profesional muda semakin mendalam memandangkan golongan muda tidak akan setuju dengan kaedah-kaedah dan pendekatan berhubung isu negara Islam dan pendirian terhadap perpaduan Melayu.

Faktor-faktor lain termasuk pendirian PAS dalam memilih wanita sebagai calon.

"Pucuk pimpinan perlu mengatasi tentangan golongan ulama yang diketuai oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat," katanya.

Selagi berkenaan dasar-dasar-dasar Islam, Zambry berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan struktur sedia ada tanpa terjebak dalam tafsiran konservatif Islam.

"Malaysia akan terus menjadi model contoh sebuah negara Islam moden tanpa mengetepikan ajaran asas Islam," katanya.

Mengenai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Zambry berkata: "Pak Lah akan memerintah melalui kata sepakat. Pak Lah akan mendengar semua pandangan, dan membuktikan kemampuan dan keazamannya."

-- BERNAMA

RV AFY PR